

Malaysia, UK bincang tingkat hubungan perkongsian strategik

Jemaah Menteri kedua-dua negara tubuh pasukan jalin kerjasama, termasuk untuk ASEAN

London: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu rakan sejawatannya dari United Kingdom (UK), Sir Keir Starmer, kelmarin dan membincangkan usaha untuk meningkatkan hubungan kedua-dua negara kepada perkongsian strategik meliputi semua bidang.

"Sudah tentunya tumpuan dan asas terhadap ekonomi, malah juga pertahanan dan pendidikan," katanya kepada pemberita selepas bertemu Starmer di No 10, Downing Street pada Rabu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Jemaah Menteri Malaysia dan UK akan segera menubuhkan pasukan untuk menjalin kerjasama, terutama dalam konteks bukan saja untuk Malaysia, tetapi juga ASEAN.

Ketika ini Malaysia ialah Pengerusi ASEAN bagi 2025.

Menurut pegawai Malaysia, kedua-dua pemimpin turut membincangkan kerjasama dalam bidang tenaga hijau, kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan.

"Ini lawatan ke negara Eropah pertama selaku Pengerusi ASEAN. Saya menggunakan kesempatan yang ada bagi menyatakan kesediaan Malaysia un-



Anwar dan delegasi Malaysia dalam Sesi Meja Bulat bersama syarikat-syarikat pengurusan dana utama dunia di London.

(Foto FB Anwar Ibrahim)

tuk menerima lebih ramai pelabur sekali gus membentuk sinergi ekonomi baharu," kata Anwar.

Perdana Menteri berkata, semasa pertemuan itu beliau turut mempelawa Starmer melawat Malaysia.

Yang turut hadir, Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Pada Isnin, Pesuruhjaya Tinggi

Malaysia ke UK dan Ireland Utara Zakri Jaafar berkata produk Malaysia, khususnya minyak sawit, dijangka mendapat manfaat daripada akses bebas tarif di UK di bawah perjanjian perdagangan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

Beliau berkata, ini dapat direalisasikan kerana UK secara rasmi menyertai CPTPP pada Disember tahun lalu.

Malaysia meratifikasi CPTPP pada Oktober 2024, menyertai Peru, Jepun, Singapura, Chile, New

Zealand dan Vietnam yang turut berbuat demikian.

Menurut laporan di sini, lebih daripada 99 peratus eksport barang UK ke negara anggota CPTPP akan dikecualikan tarif sebaik perjanjian itu berkuat kuasa.

UK ialah rakan dagangan keempat terbesar Malaysia di Eropah dengan jumlah perdagangan bernilai RM15.30 bilion (US\$3.34 bilion) dalam tempoh 11 bulan pertama 2024.

Anwar semalam bertemu dengan penggiat industri dan pelabur institusi pada hari ketiga lawatan kerjanya ke UK.

Beliau mengadakan mesyuarat

meja bulat dengan beberapa syarikat yang berpangkalan di UK yang terbabit dalam pelbagai bidang seperti pengurusan kekayaan, pelaburan dan dana kekayaan berdaulat.

Sesi dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, Novan Amiruddin dan wakil firma yang hadir ialah Colchester Global Investors, Abrdn Pic, Manulife Investment Management (Europe) Ltd, Amundi Asset Management, KPM Asset Management, Wellington Management, Redwheel Partners Ltd dan Schroders Investment Management. BERNAMA